

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA** : **DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI**  
**[ BATU PAHAT ]**

**SOALAN** : **Datuk Mohd Idris bin Jusi [ Batu Pahat ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan usaha yang boleh dan hendak dibuat oleh pihak Kementerian dengan meminta pihak Kerajaan Myanmar memberhentikan penindasan mereka terhadap kaum minoriti, terutama kaum Rohingya memandangkan Malaysia dan Myanmar keduanya merupakan negara anggota ASEAN.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Pahat atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Sebagai mana Dewan yang Mulia ini sedia maklum, pendirian dan dasar luar negara yang diamalkan oleh Malaysia adalah amat jelas dan konsisten iaitu tidak mencampuri urusan dalaman sesebuah negara. Walau bagaimanapun, Malaysia memandang serius isu penindasan kaum minoriti, terutamanya Rohingya di Myanmar. Malaysia percaya bahawa Kerajaan Myanmar yang baru dibentuk selepas pilihan raya baru-baru ini akan mengambil langkah lebih proaktif dalam usaha untuk menyelesaikan masalah tersebut.

3. Malaysia dan negara-negara lain di rantau Asia Tenggara sememangnya menyedari bahawa isu Rohingya ini boleh menimbulkan masalah yang lebih besar kepada rantau ini jika tidak ditangani secara serius. Sehubungan itu, Malaysia bersama negara-negara ASEAN yang lain akan terus bekerjasama dengan lebih rapat dalam usaha untuk membantu Myanmar menyelesaikan isu ini.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kementerian ini berpandangan bahawa punca utama isu ini perlu segera dikenalpasti dan dibangkitkan secara berhemah di peringkat antarabangsa. Pendekatan yang wajar diambil adalah menyuarakan secara umum pendirian tegas Malaysia mengenai ancaman keselamatan dan krisis kemanusiaan Rohingya di rantau Asia Tenggara.

5. Dalam hal ini, Malaysia akan terus menyuarakan pandangan dan pendirian melalui platform ASEAN, OIC dan PBB untuk menggesa komuniti antarabangsa memikul tanggungjawab ini secara bersama bagi mencari jalan penyelesaian yang berkekalan dalam menangani isu ini.

6. Kementerian ini juga akan sentiasa menyokong semua usaha yang dilaksanakan oleh masyarakat dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang lain, dalam membantu meringankan beban kesengsaraan yang ditanggung oleh etnik Rohingya tersebut.

Sekian, terima kasih.